

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

24  
MAR

## KKSUSM BANTU PELAJAR PERKASA TEKNIK PENULISAN DENGAN BETUL



USM, PULAU PINANG, 24 Mac 2017 - Menyedari pentingnya pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mengaplikasikan teknik penulisan mengikut format APA yang betul semasa melakukan tugas, Kelab Kerja Sosial (KKS) Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan Bengkel Penulisan Format APA di Dewan Pembangunan SIswa 1, Kompleks Cahaya baru-baru ini.

Penasihat KKS selaku pengelola bengkel, Dr. Paramjit Singh Jamir Singh berkata, pengalaman beliau semasa menyemak tugas yang dilakukan oleh pelajar mendorong beliau untuk memberi pengetahuan tentang format APA (American Psychological Association) bagi mengelakkan pelajar mengulang kesalahan yang sama.



Pengarah Projek, Sabrina Shamroz Khan pula berkata, beliau berharap supaya bengkel yang telah dijalankan ini memberi pengetahuan kepada pelajar untuk menggunakan format APA yang betul semasa melakukan tugas kerana ia amat penting untuk pemarkahan tugas.

Yang di-Pertua Kelab Kerja Sosial, Nur Shahirah Ahmad Bastari pula menegaskan bengkel sebegini amat diperlukan oleh pelajar supaya mereka mampu menjadi graduan yang kompeten dalam melakukan penulisan yang memenuhi piawaian bertaraf antarabangsa.

Bengkel tersebut telah dihadiri hampir 300 orang peserta yang terdiri daripada pelajar USM.

Teks: Rodiah Md Daud (Pelajar internship PP Komunikasi USM)



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015